

## PEMBANGUNAN MODEL PEDAGOGI TERBEZA: FASA ANALISIS KEPERLUAN

Zurina Mustaffa<sup>1</sup>, \*Zaharah Hussin<sup>1</sup> &  
Abdul Muhsien Sulaiman

### ABSTRACT

Diversity of students in the classroom has largely impacted the world of education in Malaysia when the Ministry of Education issued a statement to no longer segregate students according to their level of achievement and instead placed equally without factoring achievement. Due to the mixed level of achievement, new teaching methods are required to tackle the difference in the students. Therefore, this study was conducted to identify the level of knowledge of Differential Pedagogy among teachers and to identify the need for the development of a Differential Pedagogy model. This study is conducted as a survey study. A set of questionnaires containing 21 items related to the level of knowledge of Differential Pedagogy among teachers and the development needs of Differentiated Pedagogy Model. The study involved 361 South Zone primary school teachers. The data obtained were analysed using Statistical for Social Science (SPSS) software to obtain descriptive statistical data involving mean, percentage, and frequency. The data shows that the level of knowledge of Differentiated Pedagogy among teachers is at a moderate level in which the average value of the overall mean is 2.82 (SP = 1.350). While the findings of the study for the development needs of Differentiated Pedagogy model is at a high level with an average overall mean value of 4.12 (SP = 0.581). The results indicate that there is a need for the development of a Differentiated Pedagogy model. The implications of the study show that the Differentiated Pedagogy model is needed to overcome the problem of teachers' lack of knowledge on Differentiated Pedagogy which is a new teaching approach. This is because Differentiated Pedagogy is an appropriate teaching approach implemented to facilitate the diversity of students in the classroom.

**Keywords:** *Models, Differentiated Pedagogy, Needs Analysis*

[1]  
Fakulti Pendidikan,  
Universiti Malaya,  
Kuala Lumpur

[1]  
Fakulti Pendidikan,  
Universiti Malaya,  
Kuala Lumpur  
[zaharah@um.edu.my](mailto:zaharah@um.edu.my)

[1]  
Fakulti Pendidikan,  
Universiti Malaya,  
Kuala Lumpur

## PENGENALAN

### Latar Belakang Kajian

Dewasa ini sistem pendidikan negara kian berkembang. Perkembangan ini bersesuaian dengan keperluan masa kini murid-murid khususnya dan juga proses pengajaran dan pembelajaran yang telah menuntut ke arah memenuhi keperluan murid.

Kepelbagaian murid di bilik darjah menuntut pihak Kementerian Pendidikan Malaysia mengkaji tentang corak pengajaran guru yang bersesuaian dengan keadaan dan situasi murid yang pelbagai di bilik darjah. Kepelbagaian murid di bilik darjah berlaku apabila murid tidak lagi berada pada kelas yang berasingan akibat sistem peperiksaan yang memisahkan antara murid yang cemerlang dengan murid yang sederhana. Hal ini telah diambil perhatian oleh pihak kementerian apabila bekas ketua pengarah pendidikan telah mengumumkan bahawa tiada lagi sistem pengasingan kelas atau streaming class bermula pada tahun 2019 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018a).

Sehubungan dengan tiada lagi pengasingan kelas, maka semua murid yang pelbagai aras, pelbagai latar belakang, pelbagai kecerdasan dan budaya akan belajar bersama-sama di dalam bilik darjah yang sama. Hal ini jelas dinyatakan dalam kajian Suhaili Samsudin (2005) yang menyatakan pendidikan yang mempunyai murid yang pelbagai budaya seharusnya menjadikan pendidikan yang membawa kepada konsep kemanusiaan yang memberi kepada nilai kesaksamaan dan keadilan kepada murid dalam mendapat hak pendidikan. Selain kepelbagaian murid dari aspek budaya, murid juga berbeza dari aspek kecerdasan. Hal ini diakui oleh pelopor kecerdasan pelbagai Howard Gardner yang menyatakan manusia mempunyai sembilan kecerdasan iaitu kecerdasan verbal-linguistik, logik-matematik, visual-ruang, interpersonal, intrapersonal, kinestetik, naturalis, eksistensial dan muzik (Gardner, 1993). Murid yang mempunyai pelbagai budaya, pelbagai kecerdasan sudah pasti mempunyai sejarah latar belakang yang berbeza. Pernyataan ini senada dengan pendapat Ibn Sahnun yang menyatakan murid-murid yang berkumpul di Kuttub terdiri daripada murid yang pelbagai latar belakang keluarga iaitu mereka kemungkinan berasal dari golongan yang kaya dan sebahagian mereka terdiri dari golongan yang sederhana dan miskin (Syahrizal & Rabiatul-Adawiah Ahmad Rashid, 2012).

Pendek kata, murid-murid yang berada di dalam bilik darjah adalah murid yang pelbagai. Sudah tentu guru-guru yang mengajar memerlukan kepada pendekatan yang bersesuaian dengan keperluan murid yang pelbagai di bilik darjah. Justeru itu, Kementerian mengambil tindakan pantas dengan memperkenalkan Pedagogi Terbeza yang sesuai dengan kepelbagaian murid. Pedagogi Terbeza diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Pelan pembangunan Pendidikan Malaysia (PPIM) Gelombang Kedua 2016-2020 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018b). Pedagogi Terbeza merupakan pedagogi yang bersifat mudah lentur dan fleksibel di mana guru boleh menyesuaikan isi kandungan pelajaran, proses pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang pelbagai, mengubah suai produk atau hasil iaitu penilaian guru terhadap produk atau hasil murid yang pelbagai serta mengubah suai persekitaran di mana guru boleh melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di dalam ataupun di luar kelas (Abd. Khahar bin Sapriani et al., 2018). Kajian ini akan membincangkan tentang pembangunan model Pedagogi Terbeza pada fasa analisis keperluan.

## PENYATAAN MASALAH

Pengajaran guru sangat penting dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Terdapat pelbagai isu pengajaran yang diperkatakan khususnya pengajaran guru kepada pelbagai murid yang berada di dalam kelas yang sama tetapi berbeza dari segi latar belakang, budaya, jantina, tahap pencapaian serta mempunyai pelbagai kecerdasan. Perkara ini jelas dinyatakan oleh pelopor Teori Kecerdasan Pelbagai yang menyatakan setiap individu mempunyai sembilan kecerdasan iaitu (i) Kecerdasan verbal-linguistik, (ii) kecerdasan muzik, (iii) kecerdasan logik-matematik, (iv) kecerdasan visual-ruang, (v) kecerdasan interpersonal, (vi) kecerdasan intrapersonal, (vii) kecerdasan naturalis (viii) kecerdasan eksistensial dan (x) kecerdasan kinestetik (Gardner, 1993). Dengan sembilan kecerdasan yang dimiliki oleh individu sudah tentu setiap individu mempunyai gaya belajar yang tersendiri sama ada gaya belajar mereka berbentuk visual, kinestetik dan sebagainya. Walaupun murid

mempunyai gaya belajar yang pelbagai namun guru masih tidak menyedari dan tidak memandang serius tentang gaya belajar murid yang boleh dianggap penting dalam memberi kefahaman dalam kemahiran yang diajar. Hal ini jelas senada dengan dapatan kajian Eka Putri Azrai et al. (2018) yang mendapati masih terdapat sebahagian guru yang tidak mengetahui dan tidak mengambil endah tentang gaya belajar murid.

Selain guru tidak mempedulikan gaya belajar murid, terdapat juga sebahagian guru yang masih mengajar dengan gaya konvensional yang bersifat satu hala dan bersifat *chalk and talk*. Kajian Ain Nur Atika Agus (2021) mendapati masih terdapat guru yang mengajar dengan menggunakan kaedah *chalk and talk* dan lebih berpusatkan guru berbanding dari murid. Selain itu, dapatan kajian Ab Halim dan Nik Rahimi (2010) dalam Mohd Nahi bin Abdullah (2018) yang mendapati terdapat sebahagian guru yang mengajar dengan menggunakan kaedah dogmatik dan jumud.

Seterusnya timbul isu dalam pengajaran guru yang menyatakan guru kurang pengetahuan tentang Pedagogi Terbeza. Pernyataan ini jelas dan senada dengan dapatan kajian Daniel Arif Abdul Muttalip (2020) yang menyatakan tahap pengetahuan Pedagogi Terbeza dalam kalangan guru bahasa Melayu berada pada tahap yang sederhana.

Berdasarkan masalah-masalah yang dibincang, pengkaji berasa sangat wajar satu kajian berkaitan pembangunan model Pedagogi Terbeza dikaji dan dilihat dari aspek analisis keperluan.

#### **TUJUAN KAJIAN**

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti keperluan pembangunan model Pedagogi Terbeza.

#### **OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini dijalankan adalah untuk mencapai objektif berikut:

1. Mengetahui tahap pengetahuan Pedagogi Terbeza dalam kalangan guru.
2. Mengetahui keperluan pembangunan model Pedagogi Terbeza dalam pengajaran.

#### **Soalan Kajian**

Secara umumnya, pengkaji ingin menjawab soalan-soalan kajian berikut:

1. Apakah tahap pengetahuan Pedagogi Terbeza dalam kalangan guru?
2. Apakah terdapat keperluan pembangunan model Pedagogi Terbeza?

#### **SOROTAN KAJIAN**


##### **Pedagogi Terbeza**

Konsep pedagogi Terbeza merupakan pendekatan pengajaran di mana guru mengubah suai kandungan iaitu isi pelajaran, proses yang melibatkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran, mengubah suai produk atau hasil di mana guru melakukan penilaian kepada produk atau hasil yang ditonjolkan murid yang pelbagai dan mengubah suai persekitaran iaitu persekitaran pembelajaran di dalam atau di luar bilik darjah. Kajian Tomlinson (1999) mendapati guru yang aktif adalah guru yang meraikan kepelbagaian murid di dalam bilik darjah dengan

melakukan pengubah suaian kandungan, proses pengajaran, produk atau hasil murid yang pelbagai dinilai dengan seimbang dan persekitaran bilik darjah yang diambil berat dari segi susun atur bilik darjah yang sesuai untuk murid.

Pedagogi Terbeza juga dimaksudkan dengan pedagogi yang melibatkan arahan yang berbeza dan bersesuaian dengan kepelbagaian murid di bilik darjah. Dalam kajian Muhamad Nanang Suprayogi et al. (2017) menyatakan arahan yang berbeza dan sesuai kepada murid yang pelbagai di bilik darjah dan murid akan memberi respon kepada arahan guru.

Selain daripada guru memberi arahan yang berbeza dan bersesuaian dengan kepelbagaian murid, elemen Pedagogi Terbeza juga penting dan mencakupi kehendak dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Terdapat empat elemen Pedagogi Terbeza iaitu kandungan, proses, produk/hasil dan persekitaran. Keempat-empat elemen ini penting kerana berlaku pengubah suaian sama ada salah satu elemen atau keempat-empat elemen. Pengubah suaian elemen-elemen ini mengikut kepada kesediaan, minat dan profil pembelajaran murid. Whipp et al. (2014) menyatakan guru boleh mengubah suai kandungan, proses, produk/hasil dan persekitaran mengikut kesediaan, minat dan profil pembelajaran seperti dalam Rajah 1 di bawah.



**Rajah 1.** Peta konsep Pedagogi Terbeza  
Sumber: adaptasi Tomlinson (1995)

Pedagogi Terbeza telah dilaksanakan di negara-negara Barat seperti United States of America (USA). Antara kajian yang telah dijalankan di negara tersebut adalah kajian Brevik et al. (2018) yang menjalankan kajian menggunakan pendekatan kualitatif ke atas guru-guru pelatih berkaitan Pedagogi Terbeza dan mendapati guru pelatih kurang keyakinan dalam melaksanakan Pedagogi Terbeza, oleh itu bahagian pendidikan hendaklah membantu guru pelatih dalam melaksanakan Pedagogi Terbeza dengan berkesan.

Selain di USA, Pedagogi Terbeza juga telah dilaksanakan di negara Indonesia. Dapatan kajian Muhamad Nanang Suprayogi dan Valcke (2016) menunjukkan tahap pelaksanaan Pedagogi Terbeza berada di bawah paras 80% dan pihak pendidikan perlu memberi latihan dan kursus-kursus kepada guru-guru dalam meningkatkan pengetahuan dalam melaksanakan Pedagogi Terbeza.

Kesimpulan dari sorotan literatur menunjukkan Pedagogi Terbeza telah diimplementasikan di dalam dunia pendidikan.

## METODOLOGI

### Reka bentuk Kajian

Reka bentuk kajian ini adalah kuantitatif yang mengkaji tahap pengetahuan Peagogi Terbeza dan tahap keperluan pembangunan model Pedagogi Terbeza. Kaedah penyelidikan yang digunakan adalah penyelidikan deskriptif yang melibatkan in, peratus dan sisihan piawai. Penyelidikan deskriptif sangat penting untuk menerangkan situasi dan fenomena yang sedang berlaku (Mohd Majid Konting, 2004). Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan soal selidik yang telah disesuaikan dengan lapangan kajian pengkaji. Soal selidik tersebut telah dibuat kesahan kandungan, muka dan bahasa oleh enam orang pakar bidang dan bahasa. Seterusnya, pengkaji menjalankan kajian rintis bagi memperoleh nilai kebolehpercayaan soal selidik iaitu *Cronbach Alpha*.

Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji telah mendapat kelulusan dalam etika penyelidikan dari Kementerian Pendidikan Malaysia (Rujukan: KPM.600-3/2/3-eras (9834)), Jabatan Pendidikan Negeri Johor (Rujukan: JPNJ.PS.600-1/1/2 Jld 8 (17)), Jabatan Pendidikan negeri Melaka (Rujukan: JPNM.SPS.PSR.500-3/3/1 Jld.3 (14)) dan Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan (Rujukan: JPNS.SPS.PSR.500-12/4 JLD.2 (64)). Penyelidikan ini telah mendapat kebenaran dari pihak sekolah di mana kajian ini dijalankan.

### Sampel Kajian

Populasi kajian ini adalah guru Pendidikan Islam di Zon selatan. Pengkaji memilih kaedah pensampelan kluster atau kelompok. Kaedah pensampelan ini adalah untuk mengurangkan kesukaran dalam menentukan sampel, perbelanjaan, masa dan tenaga dalam menjalankan kajian (Mohd Majid Konting, 2004). Jumlah populasi guru Pendidikan Islam Zon Selatan adalah seramai 5561 orang. Pengkaji menggunakan jadual Krejcie dan Morgan (1970) dalam menentukan sampel kajian ini. Jumlah sampel adalah seramai 361 orang responden. Jadual 1 menunjukkan rumusan demografi responden dalam Bahagian A.

**JADUAL 1.** Demografi responden kajian

Aspek		Bilangan	Peratus
Jantina	Lelaki	83	23.0%
	Perempuan	278	77.0%
Umur	20-30 Tahun	75	20.8%
	31-40 Tahun	105	29.1%
	41-50 Tahun	181	50.1%
Kelulusan Akademik Tertinggi	Diploma	22	6.1%
	Sarjana Muda	302	83.7%
	Sarjana	37	10.2%

Kelulusan Ikhtisas	Sijil Perguruan	216	59.8%
	Diploma Pendidikan	77	21.3%
	Ijazah Pendidikan	68	18.8%
Pengalaman Mengajar	1-3 Tahun	27	7.5%
	4-6 Tahun	46	12.7%
	7-9 Tahun	81	22.4%
	Lebih Dari 10 Tahun	207	57.3%

Berdasarkan Jadual 1, bilangan responden lelaki adalah seramai 83 orang (23.0%) dan responden perempuan adalah seramai 278 orang (77.0%). Ini jelas menunjukkan responden yang terlibat pada fasa analisis keperluan seramai 361 orang. Responden yang paling ramai adalah responden yang berumur 41-50 tahun iaitu seramai 181 orang (50.1%), diikuti responden yang berumur 31-40 tahun seramai 105 orang (29.1%) manakala yang paling sedikit adalah responden yang berumur 20-30 tahun seramai 75 orang (20.8%). Daripada 361 orang sampel kajian, terdapat responden yang mempunyai akademik tertinggi peringkat Diploma seramai 22 orang (6.1%), peringkat Sarjana Muda seramai 302 orang (83.7%) dan peringkat Kelulusan akademik tertinggi peringkat Sarjana seramai 37 orang (10.2%). Bagi kelulusan ikhtisas pula, bilangan responden yang mempunyai kelulusan ikhtisas Sijil Perguruan seramai 216 orang (59.8%), responden yang mempunyai Diploma Pendidikan seramai 77 orang (21.3%) manakala responden yang mempunyai Ijazah Pendidikan seramai 68 orang (18.8%). Pengalaman mengajar bagi responden kajian pula ialah pengalaman mengajar 1-3 tahun seramai 27 orang (7.5%), diikuti pengalaman mengajar 4-6 tahun seramai 46 orang yang melibatkan 12.7%, pengalaman mengajar 7-9 tahun pula seramai 81 orang (22.4%) dan pengalaman mengajar lebih dari 10 tahun pula seramai 207 orang iaitu 57.3%.

### Instrumen Kajian

Instrumen kajian ini melibatkan dua konstruk iaitu tahap pengetahuan Pedagogi Terbeza dan pandangan guru tentang keperluan pembangunan model Pedagogi Terbeza. Item-item dalam konstruk ini adalah diadaptasi daripada kajian (Daniel Arif Abdul Muttalip, 2020; Habibah@Artini Ramlie, 2017; Normazidah Mahmood, 2012). Instrumen ini disesuaikan mengikut keperluan pengkaji. Kajian ini melibatkan 361 orang guru Pendidikan Islam di Zon Selatan. Secara keseluruhan nilai *Cronbach's Alpha* dari kajian rintis yang telah dijalankan oleh pengkaji telah melebihi 0.60. Berdasarkan Nunnally dan Bernstein (1994), nilai *Cronbach Alpha* yang mempunyai lebih dari 0.60 dianggap sebagai tekal dan boleh diterima. Jadual 2 menunjukkan ringkasan dapatan kajian rintis yang melibatkan dua konstruk utama.

**JADUAL 2.** Nilai kebolehpercayaan Instrumen analisis keperluan (*Cronbach Alpha*)

Bil	Konstruk	Nilai Alpha Cronbach
1.	Pengetahuan Guru Terhadap Pedagogi Terbeza	0.84
2.	Keperluan Pembangunan Model Pedagogi Terbeza	0.90

Soal selidik ini menggunakan skala *likert* lima mata seperti Jadual 3.

**JADUAL 3.** Tahap persetujuan skala *likert* 5 mata

Skala <i>Likert</i>	Persetujuan
1	Sangat Tidak Setuju
2	Tidak Setuju
3	Tidak Pasti
4	Setuju
5	Sangat Setuju

Pengkaji menggunakan skala *likert* lima mata kerana skala *likert* lima mata mudah diurus dan senang ditadbir (Chua, 2011).

#### Kaedah Analisis Data

Pengkaji menggunakan *Statistical for Social Science (SPSS)* untuk mendapatkan peratus, skor min dan sisihan piawai. Jadual 4 menunjukkan interpretasi min analisis keperluan yang digunakan dan interpretasi min adalah berdasarkan Wiersma (2000).

**JADUAL 4.** Interpretasi min analisis keperluan

Skor min	Interpretasi
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.67	Sederhana
3.68 – 5.00	Tinggi

Sumber: Wiersma (2000)

#### DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

**Soalan Kajian 1:** Apakah tahap pengetahuan Pedagogi Terbeza dalam kalangan guru?

**JADUAL 5.** Tahap pengetahuan Pedagogi Terbeza dalam kalangan guru

No	Item	STS	TS	TP	S	SS	Min	SP	Interpretasi
1	Saya mempunyai gaya pengajaran saya tersendiri.	55.7%	0%	7.2%	0%	37.1%	2.63	1.893	Sederhana

2	Setiap orang mempunyai ciri-ciri yang berbeza.	39.3%	0%	2.8%	0%	57.9%	3.37	1.940	Sederhana
3	Setiap orang mempunyai kecerdasan belajar yang berbeza.	35.5%	0%	2.2%	0%	62.3%	3.54	1.906	Sederhana
4	Saya tahu mengenai Pedagogi Terbeza sebelum ini.	51.0%	2.5%	25.2%	0%	21.3%	2.38	1.594	Sederhana
5	Pedagogi Terbeza ialah kaedah baharu dalam dunia pendidikan masa kini.	54.3%	1.7%	21.3%	0%	22.7%	2.35	1.638	Sederhana
6	Pedagogi Terbeza dapat membantu saya peka berhubung dengan kecerdasan pelbagai murid di bilik darjah.	51.8%	0.6%	15.2%	0%	32.4%	2.61	1.797	Sederhana
7	Pedagogi Terbeza diperlukan dalam proses pengajaran dan pembelajaran masa kini.	51.0%	0.6%	15.5%	0%	33.0%	2.63	1.799	Sederhana
8	8. Saya perlu lebih mengetahui tentang Pedagogi Terbeza.	42.9%	0.3%	7.5%	0%	49.3%	3.12	1.920	Sederhana
Purata							2.82	1.350	Sederhana

Jadual 5 menunjukkan purata skor min tahap pengetahuan Pedagogi Terbeza dalam kalangan guru. Purata skor min bagi tahap pengetahuan Pedagogi Terbeza adalah 2.82 (SP = 1.350) yang menunjukkan interpretasi berada pada tahap yang sederhana. Item yang mempunyai nilai skor min yang paling tinggi adalah item 3 iaitu “*setiap orang mempunyai kecerdasan belajar yang berbeza*” sebanyak 3.54 (SP = 1.906). Manakala item yang mempunyai nilai skor min yang rendah adalah item no. lima iaitu “*Pedagogi Terbeza ialah kaedah baharu dalam dunia pendidikan masa kini*” sebanyak 2.35 (SP = 1.638).

**Soalan Kajian 2:** Apakah terdapat keperluan pembangunan model Pedagogi Terbeza?

**JADUAL 6.** Keperluan pembangunan model Pedagogi Terbeza

No	Item	STS	TS	TP	S	SS	Min	SP	Interpretasi
1	Model yang mengandungi elemen Pedagogi Terbeza dalam pengajaran tilawah al-Quran belum dibangunkan.	1.1%	0%	37.7%	38.8%	22.4%	3.83	.785	Tinggi
2	Terdapat keperluan membangunkan model	0.3%	0%	16.9%	45.2%	37.7%	4.20	.730	Tinggi



	Pedagogi Terbeza yang sesuai untuk pengajaran tilawah al-Quran.									
3	Penerapan elemen model Pedagogi Terbeza dalam tilawah al-Quran mampu mempengaruhi pengajaran guru.	0%	0%	15.2%	53.2%	31.6%	4.16	.665	Tinggi	
4	Penerapan elemen Pedagogi Terbeza sangat berkesan dalam pengajaran murid yang berbeza kecerdasan.	0%	0%	17.2%	53.7%	29.1%	4.12	.671	Tinggi	
5	Penerapan elemen model Pedagogi Terbeza mampu mempengaruhi pengajaran guru dalam menyampaikan isi pelajaran dengan cara yang berbeza.	0%	0%	14.7%	53.7%	31.6%	4.17	.660	Tinggi	
6	Elemen-elemen dalam model Pedagogi Terbeza penting untuk diterapkan dalam pengajaran tilawah al-Quran.	0%	0%	14.1%	54.3%	31.6%	4.17	.654	Tinggi	
7	Penggunaan model Pedagogi Terbeza dalam pengajaran akan meningkatkan produktiviti guru.	0%	0%	15.8%	51.0%	33.2%	4.17	.679	Tinggi	
8	Penggunaan model Pedagogi Terbeza dalam pengajaran akan meningkatkan peluang murid untuk mendapatkan pencapaian yang lebih baik.	0%	0%	15.0%	49.0%	36.0%	4.21	.683	Tinggi	
Purata							4.12	.581	Tinggi	

Jadual 6 menunjukkan purata skor min persetujuan bagi keperluan pembangunan model Pedagogi Terbeza. Purata skor min menunjukkan 4.12 (SP = 0.581) yang menunjukkan berada pada tahap yang tinggi. Item yang mempunyai nilai skor min yang paling tinggi adalah item no. lapan iaitu "penggunaan model Pedagogi Terbeza dalam pengajaran akan meningkatkan peluang murid untuk mendapatkan pencapaian yang lebih baik" sebanyak 4.21 (SP = 0.683), diikuti dengan item no. dua iaitu "terdapat keperluan membangunkan model Pedagogi Terbeza yang sesuai untuk pengajaran tilawah al-Quran" sebanyak 4.20 (SP = 0.730). Manakala item yang mempunyai nilai skor min yang paling rendah ialah item no. satu iaitu "model yang mengandungi elemen Pedagogi Terbeza dalam pengajaran tilawah al-Quran belum dibangunkan" sebanyak 3.83 (SP = 0.785).

## KESIMPULAN

Kajian ini dilaksanakan bagi mengenal pasti tahap pengetahuan Pedagogi Terbeza dalam kalangan guru dan mengenal pasti keperluan pembangunan model Pedagogi Terbeza. Dapatan kajian menunjukkan tahap pengetahuan Pedagogi Terbeza dalam kalangan guru berada pada tahap yang sederhana. Dapatan kajian ini selari dengan kajian Daniel Arif Abdul Muttalip (2020) yang mendapati tahap pengetahuan Pedagogi Terbeza dalam kalangan guru bahasa Melayu yang mengajar di sekolah pedalaman berada pada tahap yang sederhana. Walau bagaimanapun dapatan kajian ini bertentangan dengan dapatan kajian Ain Nur Atika Agus (2021) yang mendapati terdapat jumlah peratus yang ramai guru Bahasa Melayu yang mengetahui Pedagogi Terbeza berbanding dengan jumlah peratus guru Bahasa Melayu yang tidak mengetahui Pedagogi Terbeza. Dapatan Ain Nur Atika Agus (2021) juga menunjukkan guru Bahasa Melayu mengetahui aspek-aspek yang terkandung dalam Pedagogi Terbeza.

Merujuk kepada dapatan kajian dalam aspek keperluan pembangunan model Pedagogi terbeza pula, skor min menunjukkan terdapat keperluan pembangunan model Pedagogi Terbeza yang tinggi. Dapatan kajian ini selari dengan dapatan kajian Abdul Razaq Ahmad et al. (2010) yang menyatakan setiap murid mempunyai kecenderungan pembelajaran yang pelbagai dan memerlukan kaedah pengajaran yang bersesuaian. Kesimpulan dari dapatan kajian ini menunjukkan keperluan pembangunan model Pedagogi Terbeza dalam menangani isu pengajaran guru kepada kepelbagaian murid di dalam bilik darjah.

Berdasarkan dapatan kajian ini menunjukkan terdapat beberapa implikasi kajian iaitu (i) Pihak JPN, PPD dan Jurulatih perlu menyebarkan luas tentang Pedagogi Terbeza, (ii) pihak pentadbir juga perlu menggalakkan dan menyokong guru dalam melaksanakan Pedagogi Terbeza di bilik darjah dan (iii) guru juga perlu mengikuti kursus, bengkel dan diskusi berkaitan dengan Pedagogi Terbeza.

Kajian ini juga mempunyai batasan iaitu kajian hanya dijalankan di Zon Selatan dan melibatkan guru sekolah rendah sahaja. Berdasarkan dapatan dan perbincangan kajian pengkaji ingin mengemukakan beberapa cadangan kajian lanjutan iaitu (i) kajian ini boleh dikembangkan dalam bentuk modul Pedagogi Terbeza dan diimplementasikan kepada murid, (ii) kajian ini boleh diluaskan bidang kajian kepada seluruh Malaysia dan (iii) kajian juga boleh dilaksanakan di sekolah menengah. Secara keseluruhannya, pengkaji mengharapkan kajian ini akan menjadi panduan kepada pengkaji yang akan datang untuk dijadikan literatur.

## RUJUKAN

- Abd. Khahar bin Saprani, Hapsah binti Majid, Zanariah binti Ibrahim, & Lokman bin Abd Wahid. (2018). Pedagogi terbeza : Keadilan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan, 11*, 1–17.
- Abdul Razaq Ahmad, Anisa Saleha, Zalizan Mohd Jelas, & Ahmad Ali Seman. (2010). Kepelbagaian pelajar dan sekolah: satu kajian kes di negeri Pahang. *Jurnal Pendidikan Malaysia, 35*(2), 87–95.
- Ain Nur Atika Agus. (2021). Tahap pengetahuan dan kesediaan guru Bahasa Melayu dalam melaksanakan pendekatan terbeza dalam pengajaran dan pembelajaran di rumah semasa tempoh perintah kawalan pergerakan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu, 11*(1), 75–87.
- Brevik, L. M., Gunnulfsen, A. E., & Renzulli, J. S. (2018). Student teachers' practice and experience with differentiated instruction for students with higher learning potential. *Teaching and Teacher Education, 71*, 34–45. <https://doi.org/10.1016/j.tate.2017.12.003>
- Chua, Y. P. (2011). *Kaedah penyelidikan* (Edisi kedua). McGraw Hill.
- Daniel Arif Abdul Muttalip. (2020). Pelaksanaan pendekatan pengajaran terbeza dalam kalangan guru Bahasa Melayu yang mengajar di sekolah rendah pedalaman Kategori 3. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu, 10*(November), 29–42.

- Eka Putri Azrai, Ernawati, & Gita Sulistianingrum. (2018). Ragam Gaya Belajar Siswa SMA Menurut David Kolb dalam Pembelajaran Biologi. *Jurnal Al-Azhar Indonesia Seri Humaniora*, 4(4), 251. <https://doi.org/10.36722/sh.v4i4.302>
- Gardner, H. (1993). *Multiple intelligences: The theory in Practice*. Basic Book: A Division of HarperCollins Publishers, Inc.
- Habibah@Artini Ramlie. (2017). *Pembangunan model profesionalisme guru pendidikan Islam berasaskan "Riadhah Ruhyyah."* Universiti Malaya.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018a). *Info media, menjana maklumat pendidikan* (Issue 06).
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018b). Laporan tahunan 2018: Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. *Kementerian Pendidikan Malaysia*, 1–96.
- Krejcie, R. V, & Morgan, D. W. (1970). *Determining sample size for research activities*. Educational and Psychological Measurement.
- Mohd Majid Konting. (2004). *Kaedah penyelidikan pendidikan* (Edisi keen). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Nahi bin Abdullah. (2018). *Amalan pengajaran tilawah al-Quran berkesan dalam kalangan guru pendidikan Islam*.
- Muhamad Nanang Suprayogi, & Valcke, M. (2016). Differentiated instruction in primary schools: Implementation and challenges in Indonesia. *PONTE International Scientific Researchs Journal*, 72(6), 1–18. <https://doi.org/10.21506/j.ponte.2016.6.1>
- Muhamad Nanang Suprayogi, Valcke, M., & Godwin, R. (2017). Teachers and their implementation of differentiated instruction in the classroom. *Teaching and Teacher Education*, 67, 291–301. <https://doi.org/10.1016/j.tate.2017.06.020>
- Normazidah Mahmood. (2012). *Penggunaan kaedah pengajaran Bahasa Arab dalam kalangan guru peringkat sekolah rendah: satu penilaian*. Universiti Malaya.
- Nunnally, J. C., & Bernstein, I. H. (1994). *Psychometric theory* (3rd Editio). McGraw Hill.
- Suhaili Samsudin. (2005). Kepelbagaian budaya dalam pengajaran bahasa melayu. *Dian Bahasa*, 39–55.
- Syahrizal, & Rabiatal-Adawiah Ahmad Rashid. (2012). PEMIKIRAN PENDIDIKAN ISLAM IBN SAHNÛN: Analisis Kritis Kurikulum Pengajaran di Institusi Pendidikan Dasar Islam. *MIQOT: Jurnal Ilmu-Ilmu Keislaman*, 36(1), 138–153. <https://doi.org/10.30821/miqot.v36i1.112>
- Tomlinson, C. A. (1999). *The differentiated classroom, responding to the needs of all learners*. <http://www.ascd.org>
- Whipp, P., Taggart, A., & Jackson, B. (2014). Differentiation in outcome-focused physical education: pedagogical rhetoric and reality. *Physical Education and Sport Pedagogy*, 19(4), 370–382. <https://doi.org/10.1080/17408989.2012.754001>
- Wiersma, W. (2000). *Research method in education: An introduction* (7th editio). Allyn and Bacon.